

90- Perbicaraan tentang sesuatu di dalam al-Qur'an kadang-kadang berdasarkan kepercayaan orang yang dihadap cakap, bukan berdasarkan kenyataan yang sebenar.	قَدْ يَرِدُ الْخِطَابُ بِالشَّيْءِ فِي الْقُرْآنِ عَلَى اعْتِقَادِ الْمُخَاطَبِ دُونَ مَا فِي نَفْسِ الْأَمْرِ.	قاعدة ٩٠
--	---	----------

Keterangan:

Al-Qur'an kadang-kadang berbicara sesuai dengan apa yang dipercayai orang yang dihadap cakap, walaupun kedudukan sebenar dan kenyataan bercanggah dengannya.

Antara contohnya ialah beberapa firman Allah di bawah ini:

(1)

وَالَّذِينَ يُحَاجُّونَ فِي اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا اسْتُجِيبَ لَهُمْ حُجَّتُهُمْ دَاحِضَةٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ وَلَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ﴿١٦﴾

Bermaksud: Dan orang-orang yang berhujah (menyangkal dan membantah) tentang (kebenaran agama) Allah sesudah disambut dan diterima agamaNya, hujah (bantahan) mereka itu sia-sia saja di sisi Tuhan mereka. Dan mereka pula ditimpa kemurkaan (dari Allah) serta mereka beroleh azab seksa yang seberat-beratnya. (asy-Syūra:16).

Di dalam ayat ini Allah menyebut bantahan dan penolakan orang-orang kafir terhadap kebenaran agama Islam sebagai hujah, walaupun sebenarnya ia tidak layak dinamakan hujah. Dikatakan hujah semata-mata kerana pada anggapan dan kepercayaan mereka itu adalah hujah.

(2)

أَلَمْ أَرْجُلُ يَمْشُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ أَعْيُنٌ يُبْصِرُونَ بِهَا أَمْ لَهُمْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا قُلِ ادْعُوا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كِيدُوا فَلَا تُنْظَرُونَ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Adakah benda-benda (yang kamu sembah) itu mempunyai kaki yang mereka dapat berjalan dengannya, atau adakah mereka mempunyai tangan yang mereka dapat memegang (menyeksa) dengannya, atau adakah mereka mempunyai mata yang mereka dapat melihat dengannya, atau adakah mereka mempunyai telinga yang mereka dapat mendengar dengannya? Katakanlah (wahai Muhammad): “Panggilah benda-benda yang kamu jadikan sekutu Allah,

kemudian kamu semua jalankan tipu daya terhadapku, serta jangan pula kamu bertangguh lagi.” (al-A`rāf:195).

Di dalam ayat ini berhala-berhala dikatakan sekutu-sekutu Allah, padahal Allah tidak mempunyai sekutu. Dikatakan sekutu semata-mata kerana itulah yang dipercayai orang-orang kafir Mekah.

(3)

أَفَمَنْ يَخْلُقُ كَمَنْ لَا يَخْلُقُ أَفَلَا تَذَكَّرُونَ ﴿١٧﴾

Bermaksud: Maka apakah (Allah) yang menciptakan (semuanya) itu sama dengan yang tidak dapat menciptakan (apa-apa)? Mengapa kamu tidak mengambil pelajaran? (an-Nahl:17).

Yang dimaksudkan dengan “yang tidak dapat menciptakan apa-apa” itu ialah berhala-berhala yang disembah oleh orang-orang kafir. Oleh kerana berhala-berhala itu tidak dapat berfikir (غير عاقل) sepatutnya digunakan untuknya perkataan ما sahaja, bukan من seperti tersebut di dalam ayat di atas. Digunakan perkataan من yang biasanya digunakan untuk orang yang berakal semata-mata berdasarkan apa yang dipercayai mereka.

(4)

ذُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ ﴿٤٩﴾

Bermaksud: (Serta dikatakan kepadanya secara mengejek): “Rasalah azab seksa, sesungguhnya engkau adalah orang yang berpengaruh dan terhormat (dalam kalangan masyarakatmu).” (ad-Dukhān:49).

Berdasarkan siyāq dan sibāq bagi ayat ini, sifat mulia yang tersebut di dalamnya bukanlah untuk memuji dan memuliakan orang yang dihadap cakap, sebaliknya ia adalah suatu penghinaan dan ejekan terhadapnya. Dua sifat tersebut juga disebut untuknya berdasarkan kepercayaan dan anggapan masyarakatnya semata-mata semasa hidup di dunia dahulu.